

22 NOVEMBER 2017

Murid darjah 5 menagih dadah

Murid darjah 5 menagih dadah

ROSINDA HASHIM

ALOR SETAR - Polis Kedah memandang serius kes dadah melibatkan murid darjah lima yang kini ketagih dadah, ekoran terpengaruh dengan ibu bapanya yang turut menagih dadah.

Ketua Polis Kedah, Datuk Asri Yusoff berkata, kanak-kanak berusia 11 tahun itu disahkan positif dadah ketika saringan awal Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) apabila rumah keluarga itu dikunjungi bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tujuan pemantauan.

"Operasi menyelamat kanak-kanak itu dilakukan bawah Akta Kanak-kanak 2001. Keluarga tersebut terlibat dengan penagihan dadah, di mana ibu dan bapa kanak-kanak itu penagih dadah bawah pengawasan AADK," katanya.



Asri (dua, kanan) menunjukkan dadah yang dirampas.

Menurutnya, pasangan itu mempunyai sembilan anak, termasuk bayi berusia 30 hari.

"Pasangan itu dikesan menggunakan anak-anak mereka termasuk bayi

tersebut untuk meminta sedekah dan hasil wang diperolehi digunakan untuk beli dadah," katanya.

Asri berkata, pasangan itu tidak ada sumber kewangan lain kerana tak bekerja.

"Situasi ini membimbangkan, pelajar itu menagih kerana terikut-ikut dengan ibu bapanya, malah telah hilang minat untuk belajar dan kerap ponteng sekolah," katanya.

● Kutip derma untuk beli dadah

INFO

Sementara itu, Polis Kedah merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM207,062 dalam serbuan di dua lokasi berasingan di daerah ini dan menahan empat lelaki berusia antara 29 hingga 45 tahun, lewat petang kelmarin.

Asri berkata, rampasan pertama berjaya menemui 461.75 gram heroin dalam ruang simpanan barang kereta Honda yang dimasukkan dalam sebuah paket lutsinar, manakala rampasan kedua melibatkan 16,000 biji pil kuda dan lima paket syabu seberat 507.41 gram.

"Bagi rampasan pertama, anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Kubang Pasu menahan kereta jenis

Toyota Camry bersama empat lelaki yang mencurigakan di hadapan sebuah rumah di Taman Sultan Abdul Halim, Alor Setar," katanya.

Menurutnya, hasil pemeriksaan polis menjumpai satu kunci kereta jenis Honda dalam sebuah beg silang salah seorang suspek.

"Polis arahkan suspek buka pintu kereta Honda di hadapan rumah tersebut, dan menjumpai paket lutsinar itu. Setelah disoal siasat, salah seorang suspek telah membawa polis ke sebuah rumah di Taman Gunung Perak, Alor Setar dan kemudiannya merampas pil kuda dan syabu," katanya.

Asri berkata, kesemua suspek disahkan positif dadah jenis methamphetamine, dengan tiga daripada mereka memiliki rekod jenayah lampau termasuk satu membabitkan kes dadah.